

Beberapa kawasan di Baram dinaiki air

KUCHING 27 Nov. - Kawasan Long Panai, Long Bemang, Long Ukok dan Long Maro di Baram dinaiki air antara 0.3 meter hingga 1.2 meter hari ini.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Sarawak, Farhan Sufyan Borhan berkata, kawasan dinaiki air tersebut melibatkan sebanyak 2,083 penduduk daripada 310 keluarga.

Bagaimanapun katanya, ketika ini tiada lagi pusat pemindahan sementara banjir yang dibuka di sana.

"Semalam, unit udara bomba telah digerakkan bagi membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengedarkan pek makanan di Long Panai termasuk Long Iman dan Kampung Melinau, Mulu yang telah surut airnya hari ini.

"Bagi Long Ukok dan Long Maro, pihak JKM Miri akan menguruskan bekalan makanan kepada kampung itu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang merangkap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana (JPBB), Subuh Posa berkata, pusat pemindahan sementara banjir di Dewan Masyarakat Medamit, Limbang telah ditutup pada pukul 1.50 petang ini.



PEMANDANGAN daripada helikopter bombadan penyelamat yang membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat mengedarkan pek makanan di Long Panai termasuk Long Iman dan Kampung Melinau, Mulu, Sarawak yang terjejas akibat banjir, semalam.